

15 OCT 2002
S'pura-Pakej/I
S'PURA SETUJU BINCANG AIR SECARA BERASINGAN

SINGAPURA, 15 Okt (Bernama) -- Singapura bersetuju untuk membincangkan isu harga air dan isu-isu lain dalam pakej hubungan dua hala dengan Malaysia secara berasingan, kata jurucakap Kementerian Luar Singapura di sini hari ini.

"Memandang Perdana Menteri (Dr) Mahathir bertegas untuk mengasingkan air daripada pakej, keseimbangan tidak mungkin tercapai. Singapura akan membincangkan air dan isu lain secara individu dan berasingan atas merit tersendiri perkara-perkara itu dan bukan sebagai pakej," katanya dalam satu kenyataan.

Jurucakap itu berkata demikian dalam menjawab pertanyaan media mengenai kenyataan Menteri Luar Malaysia Datuk Seri Syed Hamid Albar bahawa Malaysia "memberi Singapura satu lagi peluang" untuk menyelesaikan isu air itu di mesyuarat pegawai-pegawai kanan selama dua hari yang bermula esok di Johor.

Kementerian Luar republik itu juga mengesahkan bahawa Singapura telah menerima surat Dr Mahathir bertarikh 7 Okt menyatakan Malaysia telah tidak lagi meneruskan dengan pendekatan pakej.

Pada 14 Okt (semalam), Goh telah menjawab bahawa Perdana Menteri kedua-dua buah negara telah lama bersetuju untuk membuat keseimbangan menerusi pakej yang meliputi air, ruang udara, Perkara-perkara Perjanjian (POA), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Pusat (CPF), dan jambatan yang menggantikan tambak.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata di Kuala Lumpur bahawa Malaysia tidak menolak kemungkinan menyelesaikan isu harga air dengan Singapura melalui proses timbang tara.

Dr Mahathir juga berkata beliau belum menerima jawapan daripada Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong mengenai cadangannya supaya isu harga air diasingkan daripada pakej isu-isu yang belum diselesaikan antara kedua-dua negara.

-- BERNAMA
SS MOZ